

**SAMBAR UNGU**  
Maroon-breasted  
Philentoma

FAMILI: Monarchidae  
NAMA SAINTIFIK: *Philentoma velatum*

#### **CIRI-CIRI**

Individu jantan sub-spesies *P.v.caesium* mempunyai dahi, tekak atas dan tepi kepala berwarna hitam, tekak bawah dan dada berwarna maroon. Tongkeng berwarna kelabu manakala mata berwarna merah tua. Individu betina pula mempunyai bahagian atas badan yang lebih pudar, hidung, pipi, tekak dan dada atas kehitaman dan pudar manakala dada bawah dan atas perut yang lebih gelap. Maklumat mengenai individu juvenil adalah sangat kurang. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 19.0- 21.0 sm.

#### **MAKANAN**

Dietnya terdiri daripada serangga.

#### **HABITAT**

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokarp sehingga ke ketinggian 1,000 m dari aras laut. Biasa ditemui di tengah atau atas kanopi hutan dan hanya mendiamkan diri.

#### **BUNYI**

Spesies ini mengeluarkan bunyi siulan *phu phu phu phu phu phu* yang panjang, jelas dan seperti loceng. Ia juga mengeluarkan bunyi *chut-ut chut-ut chut-ut chut-ut...* yang lebih bertenaga dan jelas.

#### **PEMBIAKAN**

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan April hingga Mei. Individu betina boleh menghasilkan dua biji telur semasa musim pembiakan. Sarangnya berbentuk seperti cawan yang cetek, dibina pada pokok.